

Isu kontena sisa plastik tersadai di Malaysia

UK setuju ambil balik 42 kontena

Pihak berkuasa, ejen perkapalan sedang bekerjasama bagi proses pemulangan

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my


Kuala Lumpur: United Kingdom (UK) bersetuju mengambil semula 42 kontena mengandungi sisa plastik yang tersadai di Malaysia sejajar dengan Konvensyen Basel.

Kontena yang sebelum ini mendarat di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT), Pulau Pinang antara Mac 2018 dan Mac lalu itu dikesan gagal mematuhi syarat pengimportan yang ditetapkan negara.

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) dan Suruhanjaya Tinggi Britain ke Malaysia dalam kenyataan bersama semalam berkata, pihak berkuasa dan ejen perkapalan ketika ini sedang bekerjasama bagi proses pemulangan semula semua kontena terbabit.

Pemulangan itu juga adalah sualan kehadiran Agensi Alam Sekitar UK (EA) ke Malaysia untuk bertemu MESTECC serta beberapa agensi berkuasa negara, selepas laporan penghantaran sisa plastik secara haram itu ke negara membangun itu didedahkan.

Suruhanjaya Tinggi Britain me-



Ratusan kontena di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) di Butterworth mengandungi sisa plastik dibawa masuk dari beberapa negara maju.

ngatur beberapa siri pertemuan antara EA dengan MESTECC, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, agensi pelabuhan serta pihak berkuasa berkaitan, yang kemudiannya bersetuju untuk melaksanakan rangka kerja, pengawal seliaan serta perkongsian maklumat.

Dalam kenyataan itu, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin, memuji tindakan proaktif yang dilakukan Suruhanjaya Tinggi Britain dan berkata, kerjasama itu adalah pendedahan mengenai isu global membabitkan pencemaran plastik yang memerlukan komitmen pelbagai negara.

"Kami berharap jalinan kerjasama dan persefahaman antara

Malaysia dan UK akan menjadi contoh kepada negara lain, serta syarikat yang mengeksport sisa plastik tercemar ke negara membangun lain," katanya.

Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia, Charles Haypula pula berkata, kerajaannya berkongsi kebimbangan mengenai isu plastik itu dan penghantaran pulang 42 kontena itu mencerminkan kerjasama dalam menangani perdagangan sisa plastik haram.

"Kami berharap mampu bekerjasama lebih banyak dengan Malaysia dalam memastikan usaha memelihara alam sekitar serta menangani perubahan iklim, khususnya ketika UK menjadi pengerusi bersama dalam Persidangan Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai

Perubahan Iklim ke-26 (COP26), tahun depan," katanya.

Sebelum ini, Bee Yin mendedahkan, pindaan terhadap klasifikasi plastik di bawah Konvensyen Basel baru-baru ini akan membantu Malaysia menyekat kemasukan sisa plastik dari negara asing secara lebih berkesan.

Ini disebabkan, pindaan kepada klasifikasi sisa plastik yang dicadangkan menerusi konvensyen yang diratifikasi sejumlah 187 negara itu memerlukan *prior informed consent* (PIC) dari negara pengimport sisa plastik terlebih dahulu sebelum sebarang pergerakan sisa merentasi sempadan dilakukan.

Berbanding sebelum ini, ia tidak menjelaskan sama ada sisa itu boleh dikitar semula atau seba-



Kami berharap jalinan kerjasama dan persefahaman antara Malaysia dan UK akan menjadi contoh kepada negara lain, serta syarikat yang mengeksport sisa plastik tercemar ke negara membangun lain.

Yeo Bee Yin,
Menteri Tenaga, Sains,
Teknologi, Alam Sekitar
dan Perubahan Iklim

liknya, dan tidak memerlukan kelulusan PIC dari negara pengimport sisa berkenaan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini menegaskan tidak akan membayar walau satu sen pun kos menghantar kontena berisi sisa plastik kembali ke negara asalnya.